

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371060

KUALA LANGAT / SEPANG



Kerja-kerja pembersihan giat dijalankan warga Taman Perwira.



Antara barangan yang dikumpul dan dibuang di Taman Perwira.

Tiga kawasan giat gempur aedes

Gotong-royong dua hari aktifkan komuniti

KUALA LANGAT - Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat terus giat menggalakkan penduduk daerah ini meningkatkan kerjasama dalam mencegah wabak denggi di kawasan mereka sekali gus mengaktifkan komuniti masing-masing.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Mohd Imran Abdul Wahab berkata, sebanyak tiga kawasan penduduk iaitu di Taman Perwira, Bandar Saujana Putra dan Taman Changgang Jaya menganjurkan program gotong-royong yang berlangsung selama dua hari sejak Sabtu lalu.

Bagi kawasan Taman Perwira, aktiviti gotong-royong di surau dan persekitaran taman diaktifkan selain pada sebelah malamnya diadakan Pelancaran Penubuhan Geng Sahabat Surau (Gess) merangkap Geng Tunas Combi iaitu sebuah pasukan sokongan dan pelapis Combi Taman Perwira.

Di SP8, Bandar Saujana Putra, program gotong-royong cegah denggi turut berjaya mengesan beberapa kawasan sampah haram yang boleh menyebabkan masalah pembiakan aedes.

Dalam pada itu, pasukan Combi Taman Changgang Jaya dengan kerjasama pasukan Rela Tanjung 12 pula mengambil inisiatif mengadakan kunjungan menyampaikan keperluan dapur kepada Rumah Amal Asnaf Raudhatul Jannah, Olak Lempit sejurus program gempur aedes di kawasan mereka selesai.



Sebahagian penduduk Bandar Saujana Putra yang turut serta dalam program gotong-royong.



Generasi muda dari Taman Perwira juga tidak ketinggalan mengaktifkan program.



Antarasampah haram yang dilonggokkan di Bandar Saujana Putra, bersebelahan lebuh raya.



Penduduk dan ahli Combi giat membersihkan kawasan.



Sebahagian ahli Combi dan Rela Taman Changgang Jaya tidak melepaskan peluang berkunjung ke Rumah Amal Asnaf Raudhatul Jannah selepas program di kawasan rumah mereka.